

# Bingkisan dari Perpustakaan KMM



VOL.4/2016/UPSKMM

APRIL 2016



Datuk Md. Rawi Mahmud merasmikan Program Jom Baca Bersama.

Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM) menganjurkan Program Jom Baca Bersama untuk 10 minit bersama-sama Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Awam seluruh Malaysia pada 25 April 2016. Program tahunan ini diadakan sempena sambutan Hari Buku dan Hakcipta Sedunia yang jatuh pada 23 April setiap tahun. Seramai tiga orang staf Unit Perpustakaan menghadiri majlis perasmian yang diadakan di PERPUSTAM yang mana ianya telah disempurnakan oleh Timbalan Exco Pelajaran, Pendidikan Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi, Datuk Md. Rawi Mahmud. Unit Perpustakaan KMM juga tidak ketinggalan melaksanakan program berkenaan walaupun ianya dilaksanakan pada minggu peperiksaan. Staf sokongan dan pelajar yang tidak terlibat dengan peperiksaan dikumpulkan di hadapan bangunan perpustakaan untuk menjayakan program ini tepat pada jam 11.00 pagi - 11.10 pagi. Program berkenaan memerlukan peserta yang terlibat membaca apa jua bahan bacaan selama 10 minit. Seramai 12 orang staf sokongan dan 30 pelajar terlibat dalam program tersebut.

Berjalan serentak di Perpustakaan Awam Melaka dan Perpustakaan KMM

## PROGRAM JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT



Antara peserta yang terlibat dalam Program Jom Baca Bersama untuk 10 minit yang diadakan di Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka.

## PROGRAM JOM BACA BERSAMA DI KMM



Antara pelajar yang terlibat dalam Program Jom Baca Bersama untuk 10 minit yang diadakan di perkarangan bangunan Perpustakaan KMM.



Antara staf sokongan yang terlibat dalam menjayakan Program Jom Baca Bersama untuk 10 minit yang diadakan di wakaf berhampiran Makmal Sains.



# MAJLIS PERASMIAN BENGKEL SEJARAH LISAN

**SUDUT  
LENSA**

KMM turut dijemput untuk menghadiri Majlis Perasmian Bengkel Sejarah Lisan yang diadakan di PERPUSTAM pada 26 April 2016. Majlis ini telah dihadiri oleh Pustakawan dan Pembantu Perpustakaan yang mana ianya telah disempurnakan oleh Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Wira Othman Muhammad. Seramai 40 peserta bengkel terlibat dalam bengkel 3 hari berkenaan.



Antara tetamu dan peserta bergambar bersama Speaker DUN semasa Majlis Perasmian Bengkel Sejarah Lisan.



Pengerusi Persatuan Sejarah Lisan Malaysia, Dr. Zabidi Dato' Zainol Abidin menyampaikan cenderahati kepada Speaker DUN.

Unit Perpustakaan telah mengadakan satu majlis ringkas bagi meraikan Puan Kamisah binti Ahmad, Pembantu Perpustakaan s17 yang bertukar ke Perpustakaan Kolej Kejururawatan Melaka mulai 18 April 2016. Beliau telah berkhidmat di Unit Perpustakaan KMM sejak tahun 2007 dan sepanjang tempoh berkenaan beliau terlibat dalam proses pengkatalogan bahan perpustakaan. Semoga dengan kemahiran dan pengalaman yang ada, beliau dapat menguruskan perpustakaan di Kolej Kejururawatan Melaka dengan cemerlang.

## MAJLIS PERPISAHAN PEMBANTU PERPUSTAKAAN



## SELAMAT DATANG PUAN NORASIKIN HASAN KE UNIT PERPUSTAKAAN KMM

Unit Perpustakaan akan menerima kedatangan Puan Norasikin binti Hasan, Pembantu Perpustakaan S17 yang baharu pada 18 April 2016. Beliau mempunyai pengalaman bekerja di sektor swasta dan mula berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan pada tahun 2014 dan terus ditempatkan di Perpustakaan English Language Teaching Centre (ELTC), Bandar Enstek.






# KEMPEN WAKAF BUKU KMM

Unit Perpustakaan telah mengadakan Kempen Wakaf Buku bagi mendapatkan sumbangan buku daripada pelajar yang akan meninggalkan KMM. Buku-buku yang boleh diwakafkan adalah terdiri daripada buku akademik, bacaan umum, buku agama dan sebagainya. Bagi pelajar yang ingin mewakafkan buku kepada Bilik Bacaan di Blok Asrama juga digalakkan.

## Kempen WAKAF BUKU

**TARIKH** 11 - 29 APRIL 2016  
**TEMPAT** SUDUT WAKAF BUKU, ARAS 1  
(Untuk diwakafkan kepada Perpustakaan)  
& BILIK BACAAN  
DI SETIAP BLOK ASRAMA  
(Untuk diwakafkan kepada Bilik Bacaan Blok Asrama)

Buku-buku yang boleh diwakafkan  
buku akademik  
buku bacaan umum  
buku agama  
buku motivasi



\*Perhatian : Semua buku pinjaman dari Perpustakaan KMM hendaklah dikembalikan di kaunter perkhidmatan.

## PEMBUKAAN PERPUSTAKAAN PADA MINGGU ULANGKAJI

### WAKTU PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN APRIL 2016

**MULAI 11-20 APRIL 2016**

**ISNIN - KHAMIS (11-14/4)**

8.00 pagi - 6.00 petang

8.00 malam - 11.00 malam (KECUALI HARI KHAMIS)

**JUMAAT - CUTI AM (15/4)**

**TUTUP**

**SABTU & AHAD (16 & 17/4)**

9.00 pagi - 4.00 petang

**ISNIN - RABU (18-20/4)**

8.00 pagi - 6.00 petang 8.00 malam - 11.00 malam

Dalam usaha memberikan keselesaan kepada pelajar KMM membuat ulangkaji bagi menghadapi PSPM, Unit Perpustakaan telah melanjutkan waktu perkhidmatan bermula 11 April sehingga 20 April 2016. Tambahan masa dilaksanakan bermula jam 5-6 petang dan 8-11 malam setiap hari kecuali Khamis. Perpustakaan juga dibuka pada Sabtu dan Ahad bermula jam 9.00 pagi - 4.00 petang.



### BENGGEL KERJA PEMERIKSAAN SKRIP JAWAPAN CALON SEM II & IV

Bangunan Perpustakaan menjadi lokasi utama bagi Bengkel Kerja Pemeriksaan Skrip Jawapan PSPM Sem. II & IV bermula 23 April 2016 sehingga 7 Mei 2016. Bengkel berkenaan dilaksanakan termasuk hari Sabtu & Ahad dan cuti kelepasan am melibatkan Pensyarah KMM.

Unit Pendidikan Islam/Moral (UPIM) KMM telah menjemput Pustakawan untuk memberikan taklimat pada 12 April 2016 bertempat di Bilik Bendahara KMM. Sesi percambahan ilmu tersebut menjurus kepada penerbitan Buletin UPIM. Dengan kemahiran yang beliau ada dapat dikongsikan bersama tenaga pengajar UPIM bagi menerbitkan Buletin UPIM keluaran pertama pada semester akan datang.

**BENGGEL  
PEMURNIAN  
BAHAN P&P  
UPIM: MEMBINA  
BULETIN UPIM**



# SUMBANGAN BUKU DARI PEMBEKAL SEMPENA PAMERAN & JUALAN BUKU BB1M

Malam usaha dengan koleksi perpustakaan dengan koleksi terbaharu, Unit Perpustakaan telah memohon setiap pembekal buku yang terlibat dalam menjayakan Pameran & Jualan Buku BB1M pada 29-31 Mac 2016 yang lalu untuk menyumbangkan buku-buku terkini kepada perpustakaan. Sebanyak 30 naskah buku baharu dengan nilai RM650.00 diperolehi oleh Unit Perpustakaan sepanjang 3 hari jualan buku tersebut berlangsung.

